

Interaksi Ilmiah

PPSM UITM SARAWAK BERSAMA PETARY UNIMAS

Penulis: Sharin Sulaiman

Pada 8 Disember 2023 hari Jumaat, seramai 10 orang pensyarah Pusat Pengajian Sains Maklumat, UiTM Cawangan Sarawak Kampus Samarahan yang diketuai oleh Dr Susan Hydra Sikayu selaku Ketua Pusat Pengajian (Perakaunan dan Pengajian Sains Maklumat) telah membuat kunjungan hormat dan sesi perkongsian ilmu bersama barisan pengurusan tertinggi yang diketuai oleh Puan Levas anak Mejus selaku Pengarah Perpustakaan Tun Abdul Rahman Ya'kub (PeTARY), Universiti Malaysia Sarawak. Antara tujuan utama kunjungan hormat ini diadakan adalah untuk membincangkan peluang kolaborasi yang boleh diwujudkan antara Pusat Pengajian Sains Maklumat, UiTM Cawangan Sarawak dengan Perpustakaan Tun Abdul Rahman Ya'kub (PeTARY), Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) terutama yang melibatkan perkongsian ilmu melalui forum dan konferensi dalam bidang sains maklumat. Program ini bertempat di Bilik Mesyuarat, Perpustakaan Tun Abdul Rahman Ya'kub dan dihadiri seramai 10 orang barisan pensyarah dari Pusat Pengajian Sains Maklumat, UiTM Cawangan Sarawak dan 5 orang pengurusan tertinggi Perpustakaan Tun Abdul Rahman Ya'kub yang terdiri daripada Puan Levas anak Mejus (Pengarah PeTARY), Haji Valentino Bin Abu Bakar (Timbalan Pengarah), Encik Zaiden Bin Sanyut (Ketua Penolong Pengarah), Puan Norazlina Binti Abdul Rahman (Ketua Penolong Pengarah), Encik Abdul Rahman Bin Mohammad Hussain (Pembantu Pustakawan) dan Cik Norlia Binti Ismail (Setiausaha Pejabat)



Para pensyarah PPSM menggunakan kenderaan masing-masing dan tiba awal beberapa minit sebelum program bermula. Rata-rata para pensyarah PPSM merasa teruja dengan program ini dan mengharapkan agar program ini memberikan hasil yang positif untuk mencapai matlamatnya. Meskipun terdapat beberapa pensyarah lain tidak dapat hadir akibat kekangan masa dan pertindihan dengan program lain, hasrat program ini kendatipun kekal diteruskan. Tepat pukul 3.00 petang, delegasi PPSM UiTM Sarawak telah mengambil tempat duduk masing-masing untuk mendengar apa yang akan disampaikan. Program ini dimulakan dengan ucapan selamat datang delegasi PPSM oleh Haji Valentino selaku pengacara majlis pada petang itu. Seterusnya, majlis diteruskan dengan menjemput Puan Levas untuk memulakan dengan ucapan aluan.

Intipati ucapan Pengarah PeTARY:

- Pihak PeTARY giat dalam menjalankan program berasaskan komuniti selaras dengan agenda kebangsaan terutama berkaitan dengan literasi maklumat
- Pihak PeTARY kini berusaha untuk mengenalpasti mereka yang pakar dalam bidang sains maklumat dan jenis sumbangan yang dapat diberikan oleh pakar ini.
- Pihak PeTARY memberi penekanan kepada program kolaborasi bersama agensi luar tentang pembangunan sumber maklumat terutama kepada golongan kurang upaya
- Pihak PeTARY memberi perhatian khusus kepada program peningkatan tahap kompetensi pustakawan sesuai dengan perubahan minat dan kecenderungan pengguna masakini
- Pihak PeTARY mengalakkan lebih banyak program berbentuk webinar untuk mengetengahkan isu berkaitan dengan sumber akademik
- Pihak PeTARY ingin melihat lebih ramai penglibatan aktif penyelidik muda bagi merencanakan industri yang berterusan digital.



Penyerahan cenderamata daripada UiTM Sarawak kepada Pengarah PeTARY UNIMAS

Setelah Puan Levas mengakhiri ucapan aluannya, maka pengacara majlis kemudiannya menjemput Dr Susan Hydra Sikayu untuk memberi ucapan beliau. Ucapan Dr Susan bermula dengan ucapan setinggi – tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada PeTARY kerana sudi menerima rombongan delegasi PPSM UiTM Cawangan Sarawak. Selepas itu, beliau memperkenalkan diri dan memperkenalkan setiap seorang pensyarah yang hadir pada program petang itu. Dalam ucapan yang disampaikan, beliau berharap agar pertemuan ini dapat membuah hasil dalam menjalankan kerjasama strategik antara UiTM Sarawak dan UNIMAS melalui penganjuran program berimpak tinggi seperti seminar, konferensi dan sebagainya. Berikut adalah intipati ucapan dari Dr Susan:

- Penjelasan ringkas latar belakang Pusat Pengajian Sains Maklumat seperti bilangan pensyarah dan pelajar
- Penerangan tentang program yang telah dijalankan oleh para pensyarah terutama yang melibatkan aktiviti antara pelajar dan komuniti setempat.

Seusai ucapan yang disampaikan oleh Dr Susan tersebut, majlis kemudiannya diteruskan dengan sesi Taklimat yang disampaikan oleh Haji Valentino Bin Abu Bakar. Berikut adalah ringkasan taklimat tersebut:

- Pengenalan dan sejarah penubuhan
- Penerbitan Bercetak dan Digital (4 keluaran)
- Pameran Kemerdekaan Sarawak
- Pameran Maya Hari Integriti, Diabetes Dan Kanak Kanak Sedunia
- Khidmat Komuniti Kampung Meriyu, Lundu
- Book Donation PPMKSAR (Pustaka Negeri Sarawak) dan SK Sentosa, Sibu.
- CSR Bersama TASKA SEDIDIK UINMAS
- Bahagian Pendidikan Khas SMK Muara Tuang
- Usaha pengindahan Pusat Sumber SMK Muara Tuang (BPK)
- Penghasilan Audio Book
- Program Hari Pustakawan
- Program SDG (Rak Rezeki, Program Laman Hijau Dan Program Agihan Bubur Lambuk)
- Inisiatif Pemeraksanaan Ilmu (Jom Baca 10 minit, Siri Bicara Borneo, Bicara Malaysia dan sebagainya)
- Persidangan Antarabangsa Leksikologi dan Leksikografi serta Pelancaran Kamus Melayu Sarawak
- Hari Terbuka PeTARY

Sesi taklimat yang disampaikan oleh Haji Valentino ini sedikit sebanyak telah menunjukkan bahawa PeTARY memberikan komitmen yang berterusan dalam memastikan setiap daripada program yang dirancang adalah bertepatan dengan keperluan semasa demi mendepani cabaran masa depan terutama dalam memastikan peranan perpustakaan akademik kekal relevan untuk memenuhi hasrat dan aspirasi samada di peringkat negeri, negara mahupun antarabangsa.. Program diteruskan dengan sesi perbincangan antara kedua dua belah pihak tentang program dan aktiviti yang berpotensi untuk berkolaborasi.

Rumusan kepada sesi perbincangan tersebut adalah pihak PeTARY menunjukkan minat untuk berkolaborasi dalam penganjuran Borneo International Information Science Symposium (BIIS) dengan mencadangkan agar satu Jawatankuasa Kerja diwujudkan antara kedua dua belah pihak untuk pengurusan symposium ini dan satu mesyuarat khas perlu dibuat tahun 2024.

Hasil Intipati Perbincangan:

- Penyertaan dan penglibatan PPSM dalam penganjuran Seminar Kepustakawanan (dahulunya dalam format Forum) setiap 2 tahun sekali untuk tahun 2024
- Borneo International Information Science Symposium (BIIS).
 - a. Terbuka kepada semua dalam bidang pengajian sains maklumat
 - b. BIIS diadakan sebagai program tahunan antara PPSM dan PeTARY, UNIMAS
 - c. Kolaborasi bersama dengan Perpustakaan Negara Malaysia
 - d. Symposium memiliki tema khusus sesuai dengan isu terkini dalam bidang pengajian sains maklumat
 - e. Dicapadkan dibuat sekitar bulan Oktober 2024
 - f. Pembentangan secara fizikal dan dalam talian (poster)
 - g. Dicapadkan ucapan utama disampaikan oleh Naib Canselor, UiTM
- Penglibatan Pensyarah PPSM dalam aktiviti yang dijalankan oleh PPMKSAR. PPMKSAR adalah platform sesuai untuk aktiviti kolaborasi
- Program USR di Bintangor dan Saratok bersama komuniti di mana penekanan diberikan kepada penglibatan aktif para pelajar PPSM
- Program Pertukaran dan Perkongsian Ilmu bersama alumni (bilangan sekitar 1700) Diploma Pengurusan Maklumat
- Pengajaran kolaboratif antara pensyarah PPSM dan pustakawan PeTARY berpotensi dicetuskan.
- Program yang menjurus kepada peningkatan nilai tambah kepada ilmu dan kemahiran melalui latihan sebagainya

Antara perkara lain yang turut disentuh ialah tentang usaha PPSM untuk menawarkan program sedia ada iaitu Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Pengurusan Rekod ke UiTM Cawangan Sarawak di mana penjelasan ini telah disampaikan sendiri oleh Ts Dr Mohd Rafiz Bin Salji selaku penyelaras IM261 tersebut untuk makluman lanjut pihak PeTARY. Program petang ini diakhiri dengan sesi penyampaian cenderamata antara kedua dua belah pihak, sesi bergambar dan jamuan petang berupa kuih muih. Program ini tamat sekitar pukul 4.30 petang dan semuanya bersurai dan balik ke destinasi masing-masing.